

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(XIV)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB. LEE CHUN KIT**

26. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk memulakan program-program pendidikan masakan tempatan supaya makanan-makanan terkenal negeri kita tidak akan dilupakan apabila generasi semasa ini bersara? Ini adalah penting untuk memelihara tradisi dan kebanggaan kita sebagai rakyat negeri Pulau Pinang.

**YB. YEOH SOON HIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

26. Salah satu faktor tarikan pelancong ke Pulau Pinang adalah makanan tempatan dan Kerajaan Negeri memberi keutamaan dalam pengekalan warisan makanan-makanan tempatan. Kerajaan Negeri telah menyokong beberapa program masakan tempatan seperti Pertandingan Memasak dan Kuih Tradisional 2017 pada 5 November 2017 oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Penaga dan Pertandingan Memasak Tradisi Melayu 2018 pada 25 Februari 2018 oleh JKKK Bumbung Lima. Pada masa ini, Kerajaan Negeri bersedia mengkaji rancangan untuk memulakan program-program pendidikan masakan tempatan dan mengalu-alukan cadangan program seumpama ini daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) atau mana-mana pihak yang berminat.